



Singapore Examinations and Assessment Board

Singapore–Cambridge General Certificate of Education Ordinary Level (2026)

MALAY BAHASA MELAYU (SYLLABUS 1148)

BLANK PAGE

Kandungan

	<i>Halaman</i>
Hasil Pembelajaran	4
Objektif Penilaian	5
Format Peperiksaan	6
Jadual Pengkhususan	9
Lampiran A: Rubrik Pemarkahan Kertas 1	
Lampiran B: Rubrik Pemarkahan Kertas 3 (Lisan)	

Hasil Pembelajaran

Berdasarkan Sukatan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu (Sekolah Menengah) 2021 yang dihasilkan oleh Bahagian Perancangan dan Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan, pada akhir pendidikan sekolah menengah kursus Bahasa Melayu GCE Peringkat Biasa, pelajar harus berupaya untuk:

- (a) mendengar pelbagai teks lisan (sama ada dengan penyertaan keupayaan melihat atau sebaliknya) untuk memberikan respons berdasarkan konteks, tujuan dan khalayak;
- (b) bertutur dengan fasih sesuai dengan konteks, tujuan dan khalayak;
- (c) berinteraksi secara lisan dengan jelas, lancar dan berkesan sesuai dengan konteks, tujuan dan khalayak;
- (d) membaca pelbagai teks (sama ada dengan penyertaan keupayaan melihat atau sebaliknya) untuk memberikan respons yang sesuai berdasarkan tujuan, situasi dan khalayak;
- (e) menulis pelbagai teks dengan jelas dan berkesan sesuai dengan konteks, tujuan dan khalayak (menggunakan kosa kata yang sesuai, bahasa yang gramatis dan gaya bahasa yang betul); dan
- (f) berinteraksi melalui penulisan (sama ada dengan penyertaan keupayaan melihat atau sebaliknya) dengan jelas dan berkesan untuk memberikan respons yang sesuai mengikut konteks, tujuan dan khalayak.

Objektif Penilaian

Peperiksaan Bahasa Melayu GCE Peringkat Biasa bertujuan untuk mengukur tahap pencapaian dan kecekapan calon dalam bidang bahasa berdasarkan objektif Sukatan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu (Sekolah Menengah) 2021, Kementerian Pendidikan.

Peperiksaan Bahasa Melayu bertujuan untuk menilai keupayaan calon:

- (a) mendengar pelbagai teks untuk memahami, menghayati dan menilai isi agar dapat memberikan respons berdasarkan konteks, tujuan dan khalayak;
- (b) berinteraksi secara lisan dengan yakin, berkesan dan jelas untuk menyampaikan sesuatu perkara dan menerangkan idea/pendapat/pandangan dengan fasih sesuai dengan konteks, tujuan dan khalayak;
- (c) membaca lantang teks dengan kelancaran, intonasi dan gaya yang sesuai mengikut konteks dengan menggunakan sebutan baku;
- (d) membaca pelbagai teks untuk memahami, menghayati dan menilai isi agar dapat memberikan respons yang sesuai berdasarkan tujuan, situasi dan khalayak;
- (e) menulis pelbagai teks dengan jelas dan berkesan, mengembangkan idea yang dijana serta menyemak dan menyunting teks sesuai dengan konteks, tujuan dan khalayak;
- (f) berinteraksi melalui penulisan dengan jelas dan berkesan untuk bertukar-tukar fakta/maklumat/idea/pendapat/pandangan yang sesuai mengikut konteks, tujuan dan khalayak; dan
- (g) menggunakan kosa kata yang sesuai, bahasa yang gramatis dan gaya bahasa yang betul mengikut konteks, tujuan dan khalayak.

Format Peperiksaan

Format peperiksaan bagi Bahasa Melayu GCE Peringkat Biasa terbahagi kepada:

Kertas 1: Penulisan Fungsional dan Karangan

Kertas 2: Penggunaan Bahasa dan Kefahaman

Kertas 3: Lisan dan Kefahaman Mendengar

Kertas 1: Penulisan Fungsional dan Karangan (60 markah)

Kertas 1 terbahagi kepada dua bahagian; Bahagian A dan Bahagian B. Calon dikehendaki menjawab dua soalan; satu daripada Bahagian A dan satu lagi daripada Bahagian B. Masa yang diperuntukkan ialah dua jam. Kamus yang diluluskan boleh digunakan.

Bahagian A: Penulisan Fungsional (20 markah)

Bahagian A mengandungi dua soalan. Calon perlu menjawab satu daripada dua soalan yang dikemukakan. Panjangnya respons calon haruslah sekurang-kurangnya 120 patah perkataan.

- Forum/blog (Konteks tidak formal)
Calon dikehendaki menulis respons peribadi berupa hantaran secara dalam talian berdasarkan maklumat yang diberikan dalam bentuk forum atau blog.
- E-mel (Konteks formal)
Calon dikehendaki menulis respons berdasarkan maklumat yang diberikan dalam bentuk e-mel. Sebagai contoh, untuk memberikan pujian, melaporkan insiden, membuat aduan dan lain-lain lagi.

Bahagian B: Penulisan Karangan (40 markah)

Bahagian B mengandungi tiga soalan. Calon perlu menjawab satu sahaja. Panjangnya karangan calon haruslah sekurang-kurangnya 240 patah perkataan.

Kertas 2: Penggunaan Bahasa dan Kefahaman (70 markah)

Kertas 2 terbahagi kepada tiga bahagian; Bahagian A, B dan C. Calon dikehendaki menjawab semua soalan. Masa yang diperuntukkan ialah 1 jam 30 minit.

Bahagian A: Penggunaan Bahasa (20 markah)

Soalan A1 (10 markah)

Bahagian ini mengandungi lima soalan berbentuk aneka pilihan (MCQ). Calon dikehendaki memilih perkataan yang tepat daripada golongan Kata Nama, Kata Kerja, Kata Adjektif atau Kata Tugas untuk melengkapkan satu teks ekspositori yang diberikan.

Soalan A2 (10 markah)

Bahagian ini mengandungi lima soalan respons bebas. Terdapat perkataan yang telah digarisi kerana penggunaannya salah dari segi Kata Nama, Kata Kerja atau Kata Adjektif. Calon dikehendaki menggantikan perkataan yang telah digarisi dengan perkataan yang sesuai mengikut penggunaannya dalam teks.

Bahagian B: Kefahaman 1 (20 markah)

Soalan B1 (10 markah)

Bahagian ini mengandungi lima soalan berbentuk aneka pilihan (MCQ). Terdapat dua teks yang disediakan. Calon dikehendaki menyatakan sama ada penerangan yang diberikan berkaitan dengan teks tersebut betul atau salah.

Soalan B2 (10 markah)

Bahagian ini mengandungi lima soalan kefahaman berbentuk aneka pilihan (MCQ). Calon dikehendaki menjawab soalan berdasarkan dua teks autentik seperti iklan, brosur, poster, risalah, rencana dan lain-lain lagi.

Bahagian C: Kefahaman 2 (30 markah)

Bahagian ini mengandungi 10 soalan berbentuk respons bebas berdasarkan satu teks naratif. Calon dikehendaki menjawab enam soalan kefahaman. Bagi soalan kosa kata, terdapat empat kosa kata yang diuji. Calon dikehendaki mengenal pasti perkataan yang terdapat dalam teks yang mempunyai maksud yang sama dengan frasa yang diberikan bagi dua soalan kosa kata dan memberikan maksud perkataan/frasa mengikut konteks yang diberikan bagi dua lagi soalan kosa kata.

Kertas 3: Lisan dan Kefahaman Mendengar (70 markah)

Kertas 3 mengandungi dua komponen.

Lisan (50 markah)

Peperiksaan Lisan terdiri daripada dua bahagian. Masa yang diperuntukkan adalah lebih kurang 15 minit. Calon diberi 10 minit untuk membuat persiapan.

Bahagian A: Bacaan Lantang (10 markah)

Calon dikehendaki membaca dengan lantang teks yang dipaparkan pada skrin komputer.

Bahagian B: Perbualan (40 markah)

Calon dikehendaki menonton klip video (55-60 saat) dan melibatkan diri dalam perbualan dengan pemeriksa lisan berdasarkan topik yang berkaitan dengan tema klip video yang telah ditonton.

Kefahaman Mendengar (20 markah)

Bahagian ini mengandungi 10 soalan berbentuk aneka pilihan (MCQ). Calon dikehendaki menjawab soalan berdasarkan enam teks autentik pelbagai genre seperti rencana, iklan, pengumuman, cerpen dan lain-lain lagi. Tiga daripada teks tersebut merupakan teks pendek (satu soalan bagi setiap teks pendek). Masa yang diperuntukkan adalah lebih kurang 30 minit.

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Jadual Pengkhususan yang disediakan.

Jadual Pengkhususan

Kertas 1: Penulisan Fungsional dan Karangan

Kertas (Masa)	Komponen	Jenis Item	Jumlah Soalan (Jumlah soalan yang perlu dijawab)	Markah (Timbangan)	Penerangan
1 (2 jam)	<u>Bahagian A</u> Penulisan Fungsional <ul style="list-style-type: none"> ▪ Forum/blog (konteks tidak formal) ▪ E-mel (konteks formal) 	Respons Bebas	2 (1)	20 (10%)	<p>Calon dikehendaki menulis respons peribadi berupa hantaran secara dalam talian berdasarkan maklumat yang diberikan dalam bentuk forum atau blog atau menulis respons berdasarkan maklumat yang diberikan dalam bentuk e-mel.</p> <p>Panjangnya respons haruslah sekurang-kurangnya 120 patah perkataan.</p>
	<u>Bahagian B</u> Penulisan Karangan <ul style="list-style-type: none"> ▪ Naratif ▪ Ekspositori 	Respons Bebas	3 (1)	40 (20%)	Calon dikehendaki menulis karangan yang panjangnya sekurang-kurangnya 240 patah perkataan.
Jumlah			5 (2)	60 (30%)	-

Jadual Pengkhususan

Kertas 2: Penggunaan Bahasa dan Kefahaman

Kertas (Masa)	Komponen	Jenis Item	Jumlah Soalan (Jumlah soalan yang perlu dijawab)	Markah (Timbangan)	Penerangan
2 (1 jam 30 min)	Bahagian A Penggunaan Bahasa Soalan A1	MCQ	5 (5)	10 (5%)	Calon dikehendaki memilih perkataan yang tepat daripada golongan Kata Nama, Kata Kerja, Kata Adjektif atau Kata Tugas untuk melengkapkan satu teks ekspositori yang panjangnya lebih kurang 100 patah perkataan.
	Soalan A2	Respons Bebas	5 (5)	10 (5%)	Calon dikehendaki menggantikan perkataan yang telah digarisi dengan perkataan yang sesuai sama ada daripada golongan Kata Nama, Kata Kerja atau Kata Adjektif mengikut penggunaannya dalam teks. Panjangnya teks lebih kurang 100 patah perkataan.
	Bahagian B Kefahaman 1 Soalan B1	MCQ	5 (5)	10 (5%)	Terdapat dua teks yang disediakan. Calon dikehendaki menyatakan sama ada penerangan yang diberikan betul atau salah. Panjangnya setiap teks lebih kurang 120 patah perkataan.
	Soalan B2	MCQ	5 (5)	10 (5%)	Calon dikehendaki menjawab soalan berdasarkan dua teks autentik seperti iklan, brosur, poster, risalah, rencana dan lain-lain lagi. Panjangnya kedua-dua teks lebih kurang 370 patah perkataan.
	Bahagian C Kefahaman 2	Respons Bebas	10 (10)	30 (15%)	Calon dikehendaki menjawab enam soalan kefahaman dan empat soalan kosa kata berdasarkan satu teks naratif yang panjangnya lebih kurang 370 patah perkataan.
Jumlah			30 (30)	70 (35%)	-

Jadual Pengkhususan

Kertas 3: Lisan dan Kefahaman Mendengar

Kertas (Masa)	Komponen	Jenis Item	Jumlah Soalan (Jumlah soalan yang perlu dijawab)	Markah (Timbangan)	Penerangan
3 (15 min)	Lisan <u>Bahagian A</u> Bacaan Lantang	Respons Bebas	1 (1)	10 (5%)	Calon dikehendaki membaca dengan lantang teks yang dipaparkan pada skrin komputer. Panjangnya teks lebih kurang 150 patah perkataan.
	<u>Bahagian B</u> Perbualan	Respons Bebas	1 (1)	40 (20%)	Calon dikehendaki menonton klip video (55-60 saat) dan melibatkan diri dalam perbualan dengan pemeriksa lisan berdasarkan topik yang berkaitan dengan tema klip video yang telah ditonton.
(Lebih kurang 30 min)	Kefahaman Mendengar	MCQ	10 (10)	20 (10%)	Calon dikehendaki menjawab soalan berdasarkan enam teks autentik pelbagai genre seperti rencana, iklan, pengumuman, cerpen dan lain-lain lagi termasuk tiga teks pendek; satu soalan bagi setiap teks pendek.
Jumlah			12 (12)	70 (35%)	-

BLANK PAGE

Rubrik Pemarkahan Kertas 1

Penulisan Fungsional (20 markah)

Jalur	1	2	3	4
Julat Markah	9-10	6-8	3-5	1-2
Markah	9-10	6-8	3-5	1-2
Isi	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Kesemua idea relevan. ▪ Idea dikembangkan dengan jelas. 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Kebanyakan idea relevan. ▪ Idea dikembangkan dengan secukupnya. 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Idea yang relevan terhad. ▪ Idea tidak dikembangkan dengan baik. 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Idea yang relevan amat terhad. ▪ Idea kabur/bercebis-cebis/ berulang/membingungkan.
Bahasa dan Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Bahasa yang digunakan tepat; hampir tidak ada kesilapan tatabahasa, ejaan, struktur ayat, kosa kata dan tanda baca yang besar atau hanya ada kesilapan kecil. ▪ Bahasa yang digunakan untuk melahirkan idea sangat jelas. ▪ Idea disampaikan secara koheren. <ul style="list-style-type: none"> - Idea dalam setiap perenggan dipadukan secara berkesan. - Idea dalam sesuatu perenggan dipadukan dengan idea dalam perenggan-perenggan yang lain secara berkesan. 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Bahasa yang digunakan sebahagian besarnya tepat; ada sedikit kesilapan tatabahasa, ejaan, struktur ayat, kosa kata dan tanda baca. ▪ Bahasa yang digunakan untuk melahirkan idea jelas. ▪ Kebanyakan idea disampaikan secara koheren. <ul style="list-style-type: none"> - Idea dalam setiap perenggan dipadukan tetapi kurang berkesan. - Idea dalam sesuatu perenggan dipadukan dengan idea dalam perenggan-perenggan yang lain tetapi kurang berkesan. 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Bahasa yang digunakan agak tepat; banyak kesilapan tatabahasa, ejaan, struktur ayat, kosa kata dan tanda baca. ▪ Bahasa yang digunakan untuk melahirkan idea tidak jelas; kosa kata terhad, ayat yang digunakan untuk melahirkan idea berbentuk mudah dan biasa-biasa sahaja. ▪ Beberapa idea disampaikan secara koheren. <ul style="list-style-type: none"> - Terdapat usaha untuk memastikan idea dalam setiap perenggan dipadukan. 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Bahasa yang digunakan mengandungi banyak kesilapan tatabahasa, ejaan, struktur ayat, kosa kata dan tanda baca. ▪ Bahasa yang digunakan mengandungi pelbagai kesilapan yang menjelaskan pemahaman terhadap idea yang dilahirkan. ▪ Idea disampaikan secara koheren di peringkat ayat.

Penulisan Karangan (40 markah)

Jalur	1	2	3	4	5
Julat Markah	17-20	13-16	9-12	5-8	1-4
Isi	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Kesemua idea relevan. 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Kebanyakkan idea relevan. 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Idea relevan. 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Idea yang relevan terhad. 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Idea yang relevan amat terhad.
	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Idea dikembangkan dengan sangat jelas. 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Idea dikembangkan dengan jelas. 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Idea dikembangkan dengan secukupnya. 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Idea tidak dikembangkan dengan baik. 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Idea kabur/bercebis-cebis/berulang/membingungkan.
Julat Markah	17-20	13-16	9-12	5-8	1-4
Bahasa dan Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Bahasa yang digunakan tepat; hampir tidak ada kesilapan tatabahasa, ejaan, struktur ayat, kosa kata dan tanda baca yang besar atau hanya ada kesilapan kecil. 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Bahasa yang digunakan sebahagian besarnya tepat; ada sedikit kesilapan tatabahasa, ejaan, struktur ayat, kosa kata dan tanda baca. 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Bahasa yang digunakan agak tepat; banyak kesilapan tatabahasa, ejaan, struktur ayat, kosa kata dan tanda baca. 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Banyak kesilapan tatabahasa, ejaan, struktur ayat, kosa kata dan tanda baca yang besar dan kecil 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Bahasa yang digunakan mengandungi banyak kesilapan tatabahasa, ejaan, struktur ayat, kosa kata dan tanda baca.
	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Kosa kata dan struktur ayat yang pelbagai dan sesuai digunakan untuk melahirkan idea dengan sangat jelas. 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Kosa kata dan struktur ayat yang sesuai digunakan untuk melahirkan idea dengan jelas. 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Kosa kata yang sesuai dan struktur ayat yang mudah digunakan untuk melahirkan idea. 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Kosa kata terhad, ayat yang digunakan untuk melahirkan idea berbentuk mudah dan biasa-biasa sahaja. 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Kosa kata terhad, struktur ayat yang digunakan menjelaskan pemahaman terhadap idea yang dilahirkan.
	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Idea disampaikan secara koheren. <ul style="list-style-type: none"> - Idea dalam setiap perenggan dipadukan secara berkesan. - Idea dalam sesuatu perenggan dipadukan dengan idea dalam perenggan-perenggan yang lain secara berkesan. 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Kebanyakkan idea disampaikan secara koheren. <ul style="list-style-type: none"> - Idea dalam setiap perenggan dipadukan tetapi kurang berkesan. - Idea dalam sesuatu perenggan dipadukan dengan idea dalam perenggan-perenggan yang lain tetapi kurang berkesan. 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Beberapa idea disampaikan secara koheren. - Terdapat usaha untuk memastikan idea dalam setiap perenggan dipadukan. 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Idea disampaikan secara koheren di peringkat ayat. 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Beberapa idea disampaikan secara koheren di peringkat ayat.

Rubrik Pemarkahan Kertas 3 (Lisan)

Bacaan Lantang (10 markah)

Jalur	1	2	3	4
Julat Markah	9-10	6-8	3-5	1-2
Sebutan dan Pengucapan dan Kelancaran dan Rentak	<ul style="list-style-type: none"> ▪ sebutan hampir sempurna ▪ pengucapan amat jelas 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ sekali-sekala, terdapat kesilapan dalam sebutan ▪ kebanyakan masanya, pengucapan jelas 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ beberapa kesilapan yang ketara dalam sebutan ▪ pada umumnya, pengucapan jelas 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ kebanyakannya, sebutan tidak tepat ▪ pengucapan tidak jelas
	<ul style="list-style-type: none"> ▪ lancar dan kelajuannya sesuai 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ pada umumnya, lancar 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ agak tersekat-sekat 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ sering tersekat-sekat
	<ul style="list-style-type: none"> ▪ tekanan dan rentak sesuai 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ kesilapan kecil dalam tekanan dan rentak 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ beberapa kesilapan dalam tekanan dan rentak 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ banyak kesilapan dalam tekanan dan rentak
	<ul style="list-style-type: none"> ▪ intonasi pelbagai dan sesuai 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ kebanyakan masanya, intonasi pelbagai dan sesuai 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ intonasi agak pelbagai dan sesuai 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ tiada atau sedikit sahaja kepelbagaian dan penggunaan intonasi yang sesuai

Perbualan (40 markah)

Jalur	1	2	3	4
Julat Markah	16-20	11-15	6-10	1-5
Respons Peribadi dan Pengembangan Idea	<ul style="list-style-type: none"> ▪ memberikan respons peribadi yang difikirkan dengan teliti terhadap topik perbualan 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ memberikan respons peribadi yang menunjukkan pemahaman terhadap topik perbualan 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ memberikan respons peribadi yang mudah sahaja terhadap topik perbualan 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ hampir tidak dapat memberikan sebarang respons peribadi terhadap topik perbualan
	<ul style="list-style-type: none"> ▪ mengembangkan idea dengan jelas dan koheren 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ mengembangkan kebanyakan idea dengan jelas dan koheren 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ mengembangkan beberapa idea dengan agak jelas dan koheren 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ hampir tidak berupaya mengembangkan idea dengan jelas dan koheren
	<ul style="list-style-type: none"> ▪ berupaya mengembangkan idea dengan menggunakan contoh/ilustrasi 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ berupaya mengembangkan kebanyakan idea dengan menggunakan contoh/ilustrasi 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ berupaya mengembangkan beberapa idea dengan menggunakan contoh/ ilustrasi 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ tidak berupaya mengembangkan kebanyakan idea dengan menggunakan contoh/ ilustrasi
	<ul style="list-style-type: none"> ▪ sentiasa berupaya mengekalkan perbualan 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ kebanyakan masanya, berupaya mengekalkan perbualan 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ kadangkala berupaya mengekalkan perbualan 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ hampir tidak berupaya mengekalkan perbualan
Julat Markah	16-20	11-15	6-10	1-5
Bahasa dan Kelancaran	<ul style="list-style-type: none"> ▪ menggunakan kosa kata dan bentuk ayat yang sesuai dan pelbagai dengan baik 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ menggunakan kosa kata yang pelbagai dan sesuai dengan memadai serta bentuk ayat yang mudah 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ menggunakan kosa kata dan bentuk ayat yang asas dan kadangkala tidak sesuai 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ menggunakan kosa kata dan bentuk ayat yang asas dan kadangkala tidak sesuai
	<ul style="list-style-type: none"> ▪ menggunakan sebutan yang sangat baik dan intonasi yang sesuai dalam perbualan 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ menggunakan sebutan yang baik dan intonasi yang sesuai dalam perbualan 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ membuat beberapa kesilapan dalam sebutan dan intonasi dalam perbualan 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ membuat banyak kesilapan dalam sebutan dan intonasi dalam perbualan
	<ul style="list-style-type: none"> ▪ lancar dan kelajuan sesuai 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ pada umumnya, lancar 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ beberapa kali tersekat-sekat dan terhenti pada waktu yang tidak sesuai 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ kerap tersekat-sekat dan terhenti pada waktu yang tidak sesuai